

## **MAJLIS PENGAKAP NEGERI**

### **NAMA**

1. Majlis ini dikenali dengan nama MAJLIS PENGAKAP NEGERI PULAU PINANG dan selepas ini akan disebut sebagai “MPNPP”.

### **PENUBUHAN**

2. Penubuhan Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang –
  - (a) Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang, selepas ini akan disebut sebagai “PPMNPP”, hendaklah mengadakan suatu mesyuarat agung untuk memilih ahli MPNPP dari kalangan calon berkelayakan yang mewakili Majlis Pengakap Daerah dalam negeri yang berkebolehan untuk menyumbang bakti kepada pergerakan PPMNPP.
  - (b) Ahli MPNPP (yang semasa) dan ahli Majlis Pesuruhjaya PPMNPP adalah bertanggungjawab untuk mengadakan Mesyuarat Agung Pemilihan 3 tahun sekali untuk memilih barisan ahli MPNPP yang baharu dan Majlis ini bertanggungjawab mengadakan sekurang-kurangnya satu kali mesyuarat setiap tahun.
  - (c) Syarat-syarat calon bertanding jawatan bagi memilih ahli MPNPP adalah seperti berikut –
    - (i) Warganegara Malaysia;
    - (ii) Berumur 18 tahun keatas;
    - (iii) Mewakili Majlis Pengakap Daerah dalam negeri dan berdaftar; dan
    - (iv) Mendapat cadangan dan sokongan oleh dua daerah yang berbeza.

### **MATLAMAT MAJLIS PENGAKAP NEGERI PULAU PINANG**

3. Matlamat Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang –
  - (a) Mewujudkan satu Majlis yang bertanggungjawab untuk berkhidmat memajukan Pengakap melalui sokongan yang padu dan mampu mengurangkan beban dana yang ditanggung oleh Persekutuan Negeri dalam menjalankan program dan latihan Pengakap.
  - (b) Majlis akan bertindak mencari dana, menambah aset, serta mendapatkan tajaan untuk kegunaan ahli dan pemimpin Pengakap dalam Persekutuan Negeri.
  - (c) Menjalinkan kerjasama dengan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang dan lain-lain badan bukan kerajaan atau badan-badan kerajaan dalam usaha meningkatkan keupayaan, sumbangan dana dan jaringan (networking) Pengakap Negeri Pulau Pinang.

### **KEANGGOTAAN MAJLIS PENGAKAP NEGERI PULAU PINANG**

4. Keanggotaan Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut –
  - (a) Mesyuarat Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang berhak melantik Yang di-Pertua Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang dan Naib-naib Yang di-Pertua Majlis

Pengakap Negeri Pulau Pinang. Jawatan-jawatan ini tidak dipertandingkan untuk pemilihan sebagai Ahli Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang.

- (b) Jawatan ahli Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang yang akan dipertandingkan dalam Mesyuarat Agung Pemilihan Tri-tahunan adalah seperti berikut –
- (i) Pengerusi;
  - (ii) Bendahari Kehormat; dan
  - (iii) 7 orang Ahli Majlis Pengakap Negeri yang dipilih dengan seorang dari setiap daerah

Manakala jawatan ahli Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang yang akan dilantik oleh Pengerusi MPNPP adalah seperti berikut –

- (i) Seorang Timbalan Pengerusi (sekiranya perlu);
  - (ii) Maksimum 3 orang Naib Pengerusi (sekiranya perlu);
  - (iii) Seorang Setiausaha Kehormat;
  - (iv) Maksimum 7 orang Ahli Majlis Pengakap Negeri yang dilantik ; dan
  - (v) Juruaudit Professional Bertauliah.
- (c) Orang-orang yang dipilih atau dilantik sebagai ahli Majlis Pengakap Negeri untuk memegang jawatan yang tersenarai dalam fasal (b) di atas hendaklah bukan ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri atau ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Daerah.
- (d) Ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang terlantik secara automatik kerana jawatan sebagai ahli Majlis Pengakap Negeri adalah seperti berikut –
- (i) Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri;
  - (ii) Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri;
  - (iii) Pesuruhjaya Latihan Negeri;
  - (iv) Pesuruhjaya Program Negeri;
  - (v) Pesuruhjaya Antarabangsa Negeri;
  - (vi) Semua Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri; dan
  - (vii) Semua Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri.
- (e) Wakil-wakil jabatan yang terlantik kerana jawatan adalah seperti berikut –
- (i) Pengarah Belia & Sukan Negeri atau wakilnya;
  - (ii) Penyelia Ko-kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri; dan
  - (iii) Pesuruhjaya Persekutuan Pandu Puteri Negeri Pulau Pinang.

### **TANGGUNGJAWAB AM**

5. Tanggungjawab am ahli Majlis Pengakap Negeri adalah seperti berikut –
- (a) Mencari dan mentadbir segala dana sama ada dicari, diderma, dikurnia, atau diterima daripada sebarang punca yang sesuai dengan Undang-Undang Kecil ini dan Peraturan-Peraturan Persekutuan untuk penyelenggaraan dan pembangunan berpengakap di Negeri Pulau Pinang

dan mengelola serta mengamalkan Dasar Kewangan Persekutuan di peringkat Kumpulan, Daerah dan Negeri mengikut sebagaimana yang tersebut dalam Undang-Undang Kecil ini.

- (d) Mengatur dan menjalankan sebarang amalan dalam apa jua bentuk bagi menggalakkan persetujuan dan sokongan orang ramai kepada Persekutuan Negeri pada umumnya.
- (e) Menguruskan kewangan Persekutuan Negeri bagi melaporkan –
  - (i) Penyata kewangan yang berakhir pada tahun semasa kepada Mesyuarat Majlis Pengakap Negeri dan Mesyuarat Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri.
  - (ii) Melaporkan dapatannya kepada Majlis pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Biasa.
- (f) Tugas-tugas berikut hendaklah dijalankan bersama-sama dan dengan persetujuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri –
  - (i) Melulus dan memajukan borang pencalonan pingat dan anugerah kepada Majlis Pengakap Negara bagi Penganugerahan Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia dan Anugerah Perkhidmatan Pengakap Negeri Pulau Pinang
  - (ii) Menjalankan tugas-tugas dan kuasa Perbadanan yang dikuatkuasakan dalam Akta 784 Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia 1968 (Di-Semak 2016).
  - (iii) Melantik, mengelola dan atas kebijaksanaannya, menamatkan perkhidmatan atau menggantung jawatan pekerja-pekerja Ibu Pejabat Persekutuan Negeri (jika ada) yang difikirkan patut dari semasa ke semasa dan menentukan kuasa, bidang kerja, menetapkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka serta membayar gaji mereka.
  - (iv) Menguruskan mengikut kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Persekutuan, sebarang perbalahan mengenai keahlian dalam Persekutuan Negeri; atas bijaksana mereka menerima semula, menggantung atau memecat mereka daripada menjadi ahli, asalkan tindakan yang diambil itu mengikut syarat-syarat yang ada dalam Peraturan-Peraturan Persekutuan.
  - (v) Memberi kuasa pendaftaran kepada Ibu Pejabat Persekutuan Negeri (jika ada) di atas semua Kumpulan Pengakap dan memansuhkan Kumpulan-Kumpulan itu daripada pendaftaran.
  - (vi) Menyediakan Ibu Pejabat Persekutuan Negeri dan pekerja-pekerja yang cukup bagi menjalankan pentadbiran dan tugas-tugas yang

diberi kuasa oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Majlis Pengakap Negeri dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecilnya.

- (vii) Mendapatkan penyelarasan dan sokongan di atas kerja Majlis Pengakap Daerah dan Majlis Pengakap Kumpulan dan memelihara serta menggalakkan tujuan Persekutuan ini dalam dan di luar Persekutuan.
- (g) Majlis Pengakap Negeri hendaklah dianggap sebagai telah memberikan kuasa kepada Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri segala tugas-tugas Majlis Pengakap Negeri kecuali mana-mana ada disebut dalam Perlembagaan dan Peraturan Persekutuan tetapi hendaklah memberikan laporan pada setiap mesyuarat Majlis Pengakap Negeri.
- (h) Menjadi badan pengelola utama untuk sebarang urusan berkaitan pihak Istana Negeri berkenaan dalam perihal majlis pengurniaan bintang dan pingat Persekutuan Pengakap Malaysia atau; bintang dan pingat Anugerah Perkhidmatan Pengakap Negeri atau; penganugerahan Pengakap Raja oleh Penaung Negeri.

#### **MESYUARAT AGUNG**

##### 6. Mesyuarat –

- (a) Majlis Pengakap Negeri hendaklah mengadakan Mesyuarat Agungnya sekali pada tiap-tiap tiga tahun. Mesyuarat Agung Luar Biasa Majlis Pengakap Negeri boleh diadakan dengan arahan daripada Ketua Pengakap Negara, atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Majlis Eksekutif Pengakap Negara atau atas permintaan sepuluh orang ahli Majlis, dengan syarat pemberitahuan bagi mesyuarat itu hendaklah diberikan mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Pengakap Negeri hendaklah –

- (i) Menerima dan mempersetujui Laporan Tahunan Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang;
  - (ii) Menerima dan mempersetujui Penyata Kewangan Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang yang telah diaudit oleh Juru Audit bertauliah;
  - (iii) Memilih ahli-ahli Majlis Pengakap Negeri;
  - (iv) Membincang dan menerima usul-usul;
  - (v) Membincang perkara-perkara lain.
- (b) Mesyuarat-mesyuarat khas boleh diadakan dengan arahan Ketua Pengakap Negara, atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan

pemberitahuan bagi mesyuarat itu hendaklah diberikan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat itu diadakan.

- (c) Mesyuarat hendaklah dijalankan mengikut peraturan yang ditentukan.

### **CARA PEMILIHAN**

7. Cara Pemilihan Ahli Majlis Pengakap Negeri –

- (a) Keahlian ahli MPNPP adalah terdiri daripada warganegara Malaysia yang dipilih secara rasmi dalam Mesyuarat Agung Pemilihan 3 tahun sekali.
- (b) Calon-calon yang dipilih akan menerima Sijil Pelantikan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia selama tiga tahun sahaja dan boleh bertanding semula.
- (d) Cara pemilihan Ahli Majlis sama ada diundi atau dilantik sebulat suara, adalah bergantung kepada keputusan majoriti ahli yang layak mengundi menghadiri mesyuarat pemilihan 3 tahun sekali tersebut.
- (d) Sekiranya keputusan majoriti kehadiran mesyuarat memilih untuk mengundi barisan ahli Majlis Pengakap Negeri dalam Mesyuarat Agung Pemilihan tersebut, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang akan bertindak menjadi Pengerusi Pilihanraya. Beliau bertanggungjawab untuk –
- (i) Menggariskan prosedur pengundian;
- (ii) Menguruskan proses pengundian;
- (iii) Menyediakan kelengkapan pengundian (kotak undi, petak pengundian serta kertas undi); dan
- (iv) Melantik 2 orang saksi pengiraan kertas undi serta 2 orang jurukira kertas undi dari kalangan kehadiran mesyuarat.
- (e) Calon proksi dan undi proksi adalah tidak dibenarkan sewaktu pemilihan barisan ahli MPNPP.

### **KELAYAKAN MENGUNDI**

8. Ahli yang layak mengundi –

- (a) Ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang yang bertauliah –
- (i) Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri;
- (ii) Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri;
- (iii) Pesuruhjaya Latihan Negeri;
- (iv) Pesuruhjaya Program Negeri;
- (v) Pesuruhjaya Antarabangsa Negeri;
- (vi) Semua Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri; dan
- (vii) Semua Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri.
- (b) Wakil-wakil rasmi daerah ke Mesyuarat Agung Majlis Pengakap Negeri –

- (i) Pesuruhjaya Daerah
- (ii) Seorang Penolong Pesuruhjaya Daerah bertauliah yang dinamakan oleh Pesuruhjaya Daerah
- (iii) Pengerusi Daerah
- (iv) Setiausaha Daerah
- (v) Seorang Ahli Majlis
- (vi) Seorang Pemimpin Pengakap bertauliah yang dinamakan oleh Pesuruhjaya Daerah

**KAEDAH PENAMAAN CALON**

9. Daerah-daerah akan menamakan calon mengikut ketetapan dalam fasal 2 (c). Hanya Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah dalam negeri Pulau Pinang layak membuat penamaan calon melalui Pengerusi atau Pesuruhjaya Daerah masing-masing.